

Penyalahgunaan Media Sosial dalam Kalangan Suami Isteri: Analisis Implikasi di Malaysia
Social Media Misuse Among Husbands and Wives: An Analysis of Implications in Malaysia

Ummie Natasya Zaini & Zuliza Mohd Kusrin[✉]
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor

ABSTRAK

Penggunaan media sosial yang tidak terkawal dalam kalangan suami isteri di Malaysia kini mencetuskan krisis kepercayaan dan keretakan institusi kekeluargaan. Kajian kualitatif ini bertujuan menganalisis bentuk penyalahgunaan media sosial, implikasinya terhadap hubungan suami isteri, serta kedudukan hukum menurut perundangan Islam di Malaysia. Dapatan kajian mengenal pasti tiga tema utama iaitu pendedahan konflik domestik (*tasyhir*), budaya riak digital, serta dominasi gajet dan ketagihan dunia maya. Kajian merumuskan bahawa perundangan Islam dan Maqasid Syariah memberi penekanan tegas terhadap perlindungan maruah (*Hifz al-'Ird*) bagi mengekalkan keharmonian rumah tangga. Justeru, cadangan penyelesaian difokuskan kepada pemerkasaan modul pendidikan pra-perkahwinan dan peningkatan literasi digital dalam komuniti.

KATA KUNCI

Kata kunci: media sosial, suami isteri, perundangan Islam, rumah tangga, Malaysia

ABSTRACT

The uncontrolled use of social media among married couples in Malaysia is currently sparking crises of trust and the erosion of the family institution. This qualitative study aims to analyze the forms of social media misuse, its implications on marital relationships, and its legal standing according to Islamic jurisprudence in Malaysia. The findings identify three primary themes: the public disclosure of domestic conflicts (tasyhir), the culture of digital ostentation (riya'), and gadget dominance coupled with virtual world addiction. The study concludes that Islamic law and Maqasid Syariah place strict emphasis on the protection of dignity (Hifz al-'Ird) to maintain domestic harmony. Consequently, proposed solutions focus on empowering pre-marital education modules and enhancing digital literacy within the community..

KEYWORDS

Key word: social media, husband & wife, Islamic jurisprudence, married couple, Malaysia

PENGENALAN

Dalam era globalisasi, media sosial seperti Facebook, WhatsApp, Instagram, dan TikTok telah menjadi medium komunikasi utama yang turut mencorakkan corak interaksi dalam institusi kekeluargaan (Md Zin, 2024). Meskipun berfungsi sebagai alat merapatkan hubungan, penggunaan yang tidak terkawal sering kali

mencetuskan krisis domestik sehingga membawa kepada perceraian (Yusliza Yakimir, 2019). Mutakhir ini, trend mendedahkan konflik peribadi secara terbuka di ruang siber semakin menular, melibatkan isu-isu kritikal seperti curang secara maya (*cyber cheating*), komunikasi sulit dengan pihak ketiga, pendedahan aib pasangan (*tasyhir*), serta pengabaian tanggungjawab akibat ketagihan aplikasi hiburan. Statistik daripada Jabatan Agama Islam Selangor

Article History

Received: Jan 5, 2026
Revised: Jan 27, 2026
Accepted: Jun 3, 2026
Published: Jun 15 2026

✉ Contact

Zuliza Mohd Kusrin
(Corresponding Author)
zuli@ukm.edu.my

Citation

Ummie Natasya Zaini & Zuliza Mohd Kusrin. 2026. Penyalahgunaan Media Sosial dalam Kalangan Suami Isteri: Analisis Implikasi di Malaysia. *Journal of Contemporary Islamic Law*. 11(1): 50-60.

Copyright

© 2026 by the author(s)



This work is licensed under a Creative Commons Attribution-Non-Commercial 4.0 International License. (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>)

(JAIS, 2022) turut mengesahkan peningkatan aduan konflik rumah tangga berpunca daripada kecelaruan digital ini, yang bukan sahaja menjejaskan kestabilan emosi suami isteri, malah mengganggu perkembangan psikologi anak-anak serta mencalarakan imej perkahwinan Islam.

Islam amat menekankan keharmonian, amanah dan tanggungjawab dalam institusi perkahwinan. Firman Allah SWT dalam al-Quran:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا
إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً

Maksudnya: Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah Dia menciptakan untukmu isteri-isteri daripada jenismu sendiri, supaya kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya, dan dijadikan-Nya di antara kamu kasih sayang dan belas kasihan (Surah Ar-Rum 30:21).

Ayat ini menekankan bahawa hubungan suami isteri perlulah berasaskan mawaddah dan rahmah, yang tidak sepatutnya dicemari dengan elemen pengkhianatan atau kelalaian digital. Dalam hadis Nabi SAW pula, Baginda telah bersabda:

Maksudnya: Setiap kamu adalah pemimpin dan setiap pemimpin akan ditanya tentang kepimpinannya... (Riwayat al-Bukhari & Muslim).

Maka, suami dan isteri masing-masing bertanggungjawab menjaga maruah dan keharmonian rumah tangga, termasuk dalam urusan atas talian. Pasangan suami isteri diibaratkan sebagai "pakaian" yang wajib melindungi maruah dan merahsiakan urusan domestik, di mana tindakan mendedahkan aib di media sosial dianggap sebagai pelanggaran amanah kepimpinan keluarga (Fadzil, 2023). Dari sudut perundangan, penyalahgunaan media sosial ini mempunyai implikasi di bawah Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303], merangkumi aspek nafkah, nusyuz, dan fasakh sekiranya terbukti wujud penderaan mental atau penganiayaan emosi. Justeru, kajian kualitatif ini dijalankan untuk meneliti bentuk penyalahgunaan media sosial dan implikasinya terhadap institusi rumah tangga menurut perspektif syarak serta undang-undang Islam. Dapatan kajian ini diharapkan dapat menjadi panduan buat masyarakat, kaunselor, dan pihak berkuasa agama dalam memelihara kesucian ikatan perkahwinan daripada fitnah dunia digital.

PERNYATAAN MASALAH

Peningkatan penggunaan media sosial dalam kalangan pasangan suami isteri di Malaysia telah mewujudkan ruang komunikasi tanpa had yang mencetuskan tekanan psikologi seperti fenomena *FOMO (Fear of Missing Out)* serta perasaan rendah diri (Md Zin, 2024). Permasalahan utama timbul apabila platform digital disalahgunakan untuk meluahkan kemarahan dan mendedahkan aib peribadi yang sepatutnya

menjadi rahsia rumah tangga. Dalam Islam, maruah keluarga diibaratkan sebagai "pakaian" (*ath-thiyaab*) yang wajib dilindungi, namun trend *tasyhir* (pendedahan aib) di media sosial secara jelas melanggar prinsip ini dan dikategorikan sebagai perbuatan haram yang mencetuskan fitnah (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2023). Hal ini selaras dengan hadis Nabi SAW yang mencela individu yang menyebarkan rahsia pasangannya sebagai golongan yang mempunyai kedudukan paling buruk di sisi Allah pada hari kiamat. Baginda Rasulullah bersabda:

إِنَّ مِنْ أَشَرِّ النَّاسِ عِنْدَ اللَّهِ مَنْزِلَةً يَوْمَ الْقِيَامَةِ الرَّجُلَ
يُفْضِي إِلَى الْمَرْأَةِ وَتُفْضِي إِلَيْهِ، ثُمَّ يَنْشُرُ سِرَّهَا

Maksudnya: Sesungguhnya manusia yang paling buruk kedudukannya di sisi Allah pada hari kiamat adalah seorang lelaki (suami) yang bergaul (bersetubuh) dengan isterinya, kemudian menyebarkan rahsia isterinya tersebut. (Riwayat Muslim)

Penyalahgunaan media sosial turut dikenal pasti sebagai "racun" yang mengikis nilai *mawaddah* dan *rahmah* melalui pendedahan kemesraan melampau serta provokasi terbuka yang boleh membawa kepada nusyuz (Nasohah, 2010). Aplikasi komunikasi seperti WhatsApp dan Instagram kini sering menjadi platform pengkhianatan emosi melalui mesej sulit dan perkenalan tanpa batas yang mendorong kepada kecurangan maya (*cyber-cheating*) serta hubungan sulit (Ilyana & Husna, 2023). Dr. Mariani Mohd Nor (2016) menegaskan bahawa kurangnya komunikasi bersemuka dan kecenderungan menyembunyikan rahsia digital menjadi faktor utama keretakan hubungan. Implikasi ini sangat membimbangkan kerana ia bukan sahaja melenyapkan keberkatan rumah tangga, malah menyumbang secara signifikan kepada peningkatan kadar perceraian harian dalam kalangan pasangan Muslim di Malaysia.

Krisis penyalahgunaan media sosial ini akhirnya memberi kesan langsung kepada perundangan Islam, di mana penderaan mental dan pendedahan aib boleh dijadikan asas tuntutan fasakh di bawah Seksyen 52(1)(h) Akta Undang-Undang Keluarga Islam 1984 atas alasan kemudaratan (*dharar*). Meskipun isu ini semakin kronik, tahap kesedaran masyarakat terhadap batas etika siber berlandaskan syarak masih berada pada tahap yang rendah (Rosli et al., 2025). Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti bentuk penyalahgunaan media sosial yang berlaku, menganalisis implikasinya terhadap institusi rumah tangga menurut perspektif syarak dan undang-undang, serta merumuskan langkah penyelesaian yang praktikal bagi memelihara kedaulatan institusi kekeluargaan daripada ancaman fitnah dunia siber.

TINJAUAN LITERATUR

Media Sosial dalam Kehidupan Pasangan Suami Isteri

Media sosial kini menjadi platform utama komunikasi dalam kalangan pasangan suami isteri. Menurut Satici et al. (2021), media sosial memainkan peranan besar dalam kehidupan harian dan boleh mempengaruhi kepuasan hubungan apabila digunakan secara berlebihan atau tidak terkawal. Platform seperti WhatsApp, Instagram, TikTok dan Facebook merupakan antara aplikasi yang paling banyak digunakan oleh pasangan untuk berinteraksi secara harian (Chadha et al., 2024).

Bentuk Penyalahgunaan Media Sosial

Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa penyalahgunaan media sosial dalam rumah tangga berlaku dalam pelbagai bentuk, antaranya curang maya, pendedahan aib pasangan, ketagihan media sosial dan perbandingan sosial. Curang maya berlaku apabila pasangan berinteraksi secara peribadi dengan individu lain melalui mesej, komen atau hubungan emosi digital seperti yang dijelaskan oleh Karaman dan Arslan (2024). Selain itu, pendedahan aib pasangan melalui status, gambar atau video turut menjadi bentuk salah guna media sosial yang semakin ketara, dan tindakan ini boleh menarik perhatian pihak luar serta mencalarakan maruah keluarga (Jaiswal et al., 2023). Ketagihan terhadap media sosial juga menjejaskan tumpuan pasangan terhadap hubungan kerana penggunaan yang berlebihan menyebabkan interaksi bersemuka semakin berkurangan (Chadha et al., 2024). Dalam masa yang sama, fenomena perbandingan hidup di media sosial (comparison trap) mendorong pasangan menilai hubungan mereka berdasarkan kehidupan orang lain yang dipaparkan di platform digital, seperti yang dibuktikan oleh Deng et al. (2024). Kesemua bentuk ini menunjukkan bahawa penyalahgunaan media sosial mempunyai pelbagai pola dan cara, serta memberi kesan langsung kepada dinamika hubungan pasangan suami isteri.

Implikasi Penyalahgunaan Media Sosial

Penyalahgunaan media sosial membawa implikasi yang signifikan terhadap keharmonian rumah tangga. Secara emosi, ia menyebabkan tekanan perasaan, rasa tidak selamat, kecemburuan dan gangguan mental seperti dinyatakan oleh Latifian et al. (2024). Dari sudut komunikasi, penggunaan media sosial yang berlebihan mengurangkan interaksi berkualiti antara pasangan, menimbulkan salah faham, dan merenggangkan hubungan suami isteri (Sari et al., 2021). Kesan ini turut meluas kepada struktur keluarga apabila konflik digital memberi pengaruh negatif terhadap kestabilan rumah tangga serta kesejahteraan anak-anak (Chadha et al., 2024). Selain itu, campur tangan pihak luar akibat pendedahan aib di media sosial boleh merosakkan reputasi pasangan dan mengundang tekanan sosial yang lebih besar. Secara keseluruhan, implikasi penyalahgunaan media sosial bukan sahaja menjejaskan hubungan pasangan

tetapi juga berpotensi menggugat kestabilan institusi keluarga secara menyeluruh.

Perspektif Syarak terhadap Penyalahgunaan Media Sosial

Syarak menekankan penjagaan maruah, batas pergaulan, serta kerahsiaan rumah tangga. Kajian oleh International Journal of Research and Innovation in Social Science (2022) menegaskan bahawa penyalahgunaan media sosial membawa kepada keruntuhan maruah (hifz al-'ird), ketidakstabilan rumah tangga (hifz al-nasl), dan gangguan emosi (hifz al-'aql), yang bertentangan dengan Maqasid Syariah.

Penyalahgunaan Media Sosial Menurut Peruntukan Undang-Undang Islam Malaysia

Dari sudut undang-undang Islam, perbuatan membuka aib pasangan, memfitnah, atau berinteraksi secara tidak wajar dengan bukan mahram di media sosial jelas bertentangan dengan prinsip Maqasid Syariah, khususnya penjagaan maruah (hifz al-'ird) dan keturunan (hifz al-nasl) seperti dihuraikan oleh kajian RSIS (2022). Di samping itu, dalam undang-undang keluarga Islam di Malaysia, tindakan menyebarkan aib, komunikasi tidak bermoral atau hubungan digital yang mencurigakan boleh menjadi asas kepada dakwaan nusyuz atau shiqaq. Oleh itu, undang-undang syariah berperanan dalam mengekang salah guna media sosial dan menjaga keharmonian rumah tangga.

Rumusan Kajian Literatur

Secara keseluruhannya, perbincangan ilmiah berkaitan penyalahgunaan media sosial dalam konteks rumah tangga masih terhad dan lebih banyak menumpukan aspek hukum asas tanpa mengaitkannya secara menyeluruh dengan realiti penggunaan media sosial masa kini. Tinjauan literatur juga mendedahkan beberapa jurang penting, antaranya fokus kajian yang masih terhad kepada remaja atau pengguna umum, kurangnya perbincangan yang menggabungkan perspektif syarak dan undang-undang secara serentak, serta kelemahan dalam mengemukakan cadangan penyelesaian berteraskan prinsip syariah secara sistematik. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengisi jurang tersebut dengan menghimpunkan bentuk penyalahgunaan media sosial dalam rumah tangga, menilai implikasinya terhadap institusi keluarga dari sudut syarak dan perundangan, serta mengemukakan cadangan penanggulangan yang lebih holistik dan bersepadu.

OBJEKTIF KAJIAN

Terdapat dua objektif utama yang menjadi tumpuan perbincangan dalam kajian ini iaitu:

1: Mengenal pasti bentuk penyalahgunaan media sosial dalam rumah tangga.

2: Menganalisis implikasi penyalahgunaan media sosial terhadap institusi rumah tangga menurut perspektif syarak dan undang-undang islam di Malaysia.

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan menggabungkan pendekatan kajian kes dan kajian kepustakaan. Reka bentuk ini dipilih bagi membolehkan penyelidik meneliti fenomena penyalahgunaan media sosial dalam rumah tangga secara mendalam mengikut realiti sosial dan nilai agama (Kamarul Azmi Jasmi, 2012). Kajian kes digunakan untuk menganalisis isu viral berkaitan konflik domestik di media sosial, manakala kajian kepustakaan berfungsi menghimpunkan pandangan ilmiah serta peruntukan hukum syarak yang relevan dengan topik kajian.

Kaedah Pengumpulan Data

Data dikumpul melalui dua sumber utama iaitu data sekunder dan data primer. Data sekunder diperoleh melalui rujukan dokumen seperti artikel jurnal, laporan berita, al-Quran, hadis, serta fatwa untuk membina asas teori yang kukuh. Bagi data primer, penyelidik menjalankan temu bual separa berstruktur bersama dua informan pakar yang dipilih secara bertujuan (*purposive sampling*). Informan tersebut terdiri daripada seorang Pakar Psikologi dan Kaunseling (Informan 1) serta seorang Pakar Syariah dan Akademik Islam (Informan 2) bagi memastikan analisis dilakukan secara holistik daripada sudut sains tingkah laku dan perundangan Islam.

Kaedah Penganalisisan Data

Data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif menggunakan kaedah analisis tematik untuk mengenal pasti corak dan tema utama berdasarkan objektif kajian. Proses ini melibatkan langkah pengkodan, pengelompokan tema, dan penafsiran data daripada sumber primer serta sekunder secara teliti (Braun & Clarke, 2006). Pendekatan ini membolehkan penyelidik menghuraikan makna tersirat di sebalik isu penyalahgunaan media sosial, sekali gus memberikan kefahaman mendalam mengenai implikasinya terhadap moral dan keutuhan institusi kekeluargaan Muslim.

HASIL DAN DAPATAN KAJIAN

Bahagian hasil dan dapatan hendaklah membentangkan penemuan utama kajian secara sistematik berdasarkan objektif dan kaedah penyelidikan; bagi kajian kualitatif, penulis perlu menyusun tema-tema utama yang dikenal pasti melalui analisis seperti tematik atau induktif, disertakan petikan data (contoh: transkrip temu bual)

yang relevan dan bersumber; manakala bagi kajian kuantitatif, penulis hendaklah memaparkan hasil dalam bentuk jadual, graf atau statistik deskriptif/inferensi yang sesuai dengan jelas dan terperinci, serta mentafsir data secara kritikal tanpa mengulangi isi jadual; penulis juga boleh menggabungkan kedua-dua bentuk data dalam pendekatan campuran, tetapi mesti membezakan kaedah persembahan mengikut jenis data.

Bagi artikel yang menggunakan kaedah kuantitatif, data hendaklah dibentangkan secara sistematik dan mudah difahami, menggunakan jadual, graf, carta atau statistik deskriptif dan inferensi yang sesuai dengan objektif kajian. Setiap jadual atau rajah mestilah dinomborkan secara berurutan (contoh: Jadual 1, Rajah 2), mempunyai tajuk yang ringkas dan padat menggunakan font Times New Roman saiz 10, dan disertakan keterangan sumber di bawah jika data diambil atau diubah suai daripada sumber lain. Penulis hendaklah menghuraikan data secara kritikal dalam teks utama, bukan sekadar menyenaraikan angka, dengan memberi fokus kepada pola, perbandingan, dan penemuan utama yang menyokong hujah atau objektif kajian. Data yang dikemukakan perlu tepat, telus dan boleh disahkan, serta analisis statistik mestilah dinyatakan dengan jelas termasuk nilai-nilai seperti min, sisihan piawai, kekerapan, nilai p, atau pekali korelasi (jika berkenaan). Semua istilah statistik perlu digunakan secara konsisten dan mematuhi etika pelaporan saintifik.

Jadual 1: Maklumat Informan

Kod Informan	Kepakaran/ Jawatan	Justifikasi Pemilihan
Informan 1 Dr Siti Aisyah Tarikh: 16/01/2025	Pakar Psikologi dan Kaunseling	Mempunyai kepakaran dalam dinamika tingkah laku pasangan, pengurusan emosi, dan impak siber terhadap kesihatan mental keluarga.
Informan 2 Dr Adib Tarikh: 15/01/2025	Pakar Syariah dan Akademik Islam (<i>Usul Fiqh</i>)	Mempunyai autoriti dalam perundangan keluarga Islam, hukum hakam berkaitan <i>tasyhir</i> , dan aplikasi Maqasid Syariah dalam institusi kekeluargaan.

Jadual 2: Soalan Temu Bual Bersama Pakar Psikologi

1. Pada pandangan tuan/puan, apakah tingkah laku di media sosial yang boleh dianggap sebagai penyalahgunaan dalam hubungan suami isteri?	(menjawab objektif kajian 1)
2. Apakah hukum dan pandangan tuan/puan tentang posting video berkaitan hal ehwal keluarga seperti (konflik / riak)?	(menjawab objektif kajian 2)

3. Pada pandangan tuan/puan, apakah jenis kandungan yang wajar dan tidak wajar untuk dikongsi oleh suami atau isteri di media sosial, khususnya apabila melibatkan privasi pasangan, anak-anak atau urusan rumah tangga?	(menjawab objektif kajian 1)
4. Pada hemat tuan/puan, apakah batas-batas interaksi suami isteri di media sosial yang perlu dipatuhi bagi mengelakkan kemudaratan terhadap hubungan rumah tangga?	(merangka cadangan penyelesaian)
5. Apakah kesan atau risiko terhadap kestabilan rumah tangga jika pasangan melanggar batas penggunaan media sosial, seperti membuka aib, berkomunikasi secara rahsia atau mendedahkan privasi keluarga?	(menjawab objektif kajian 2)
6. Apakah pendekatan yang tuan/puan cadangkan untuk menangani dan mencegah penyalahgunaan media sosial dalam kalangan suami isteri?	(merangka cadangan penyelesaian)

Analisis Data

Kajian ini mengaplikasikan teknik analisis tematik melalui proses triangulasi data yang melibatkan temu bual separa berstruktur, analisis dokumen berita, dan pemerhatian kes viral bagi menjamin kesahihan dapatan. Proses analisis dimulakan dengan mentranskripsi sepenuhnya rakaman temu bual bersama Informan 1 (Pakar Psikologi) dan Informan 2 (Pakar Agama), yang kemudiannya diteliti secara berulang bagi mendalami konteks krisis rumah tangga digital. Data tersebut seterusnya melalui fasa pengkodan terbuka (open coding) bagi mengenal pasti idea-idea utama seperti "erupsi privasi," "validasi netizen," dan "jejak digital." Menurut Md Zin (2024), prosedur pengkodan ini kritikal bagi mendedahkan bagaimana peranti pintar kini mendominasi ruang interaksi intim yang dahulunya bersifat tertutup.

Hasil daripada pengkodan tersebut, tiga tema utama telah dibentuk iaitu pendedahan konflik domestik sebagai medium meraih simpati, budaya riak digital sebagai pemangkin hasad, dan dominasi gajet dan ketagihan dunia maya. Setiap tema ini dianalisis secara kritis melalui lensa Maqasid Syariah, khususnya prinsip Hifz al-'Ird (pemeliharaan maruah) dan Hifz al-Nasl (pemeliharaan keturunan), serta diperkukuhkan dengan rujukan fatwa semasa mengenai penyakit 'Ain (Pejabat Mufti WP, 2023). Akhir sekali, implikasi perundangan terhadap tingkah laku yang dikenal pasti dinilai berdasarkan peruntukan Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303], dan pandangan pakar seperti Samsu Hadi (2025), sekali gus membolehkan penyelidik merumuskan satu kerangka pemikiran yang holistik mengenai

destruktifnya jejak digital terhadap institusi keluarga Muslim masa kini.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini mendedahkan bahawa penyalahgunaan media sosial dalam kalangan pasangan suami isteri di Malaysia telah mencapai tahap yang kritikal, merangkumi dimensi psikologi, sosiologi, dan perundangan Islam. Hasil analisis sistematik terhadap data temu bual dan dokumen telah mengenal pasti tiga tema utama yang menjawab objektif kajian secara menyeluruh:

Pendedahan Konflik Domestik Sebagai Medium Meraih Simpati (*Tasyhir*)

Kajian mendapati media sosial kini telah beralih fungsi menjadi "mahkamah terbuka" di mana pasangan secara sengaja meraih validasi netizen melalui pendedahan aib (*tasyhir*). Informan 1 menjelaskan bahawa fenomena ini merupakan satu bentuk "erupsi privasi" di mana sempadan rumah tangga yang sepatutnya tertutup telah dibongkar ke ruang awam demi meraih simpati. Penemuan ini selari dengan kajian Md Zin (2024) yang menyatakan bahawa kegagalan mengawal emosi di platform digital sering mengheret pasangan ke arah konflik yang lebih ekstrem. Dapatan ini terbukti secara konkrit melalui analisis kes-kes viral melibatkan tokoh selebriti seperti Nur Fazura dan Fattah Amin, iaitu pasangan pelakon popular yang dahulunya dianggap sebagai contoh sebelum berita perceraian mereka pada akhir tahun 2024 yang mengejutkan peminat. Pendedahan konflik bermula apabila Fazura secara terbuka mendedahkan punca keretakan rumah tangga sejourus selepas prosiding mahkamah dengan kenyataan seperti, "*Saya ada bukti dia curang... dia juga tidak memberikan nafkah kepada saya dan anak sudah sekian lama*". (Faizura Saidi, 2024)

Hal yang sama dikesan dalam kes pasangan pelakon Uqasha Senrose dan Kamal Adli yang mencetuskan polemik besar di media sosial apabila Uqasha mendedahkan dakwaan keganasan domestik yang dialaminya sepanjang empat tahun perkahwinan. Menerusi hantaran di media sosial yang dilaporkan oleh *Berita Harian* (2025), Uqasha mendedahkan penderitaannya dengan petikan kenyataan yang sangat tular: "*Saya dipukul ketika mengandung... selama empat tahun saya derita, saya diam demi menjaga maruah suami dan keluarga tetapi hari ini saya perlu bersuara*". (Serimah Sallehuddin, 2025) Pendedahan ini menunjukkan bagaimana media sosial digunakan sebagai platform untuk membongkar rahsia sulit rumah tangga bagi mendapatkan sokongan moral daripada masyarakat umum.

Impaknya, pendedahan di platform awam sebegini bukan sahaja memalukan pihak terlibat,

malah mengundang campur tangan netizen yang tidak mempunyai autoriti perundangan. Dari sudut syarak, Informan 2 menegaskan bahawa perbuatan ini adalah haram kerana meruntuhkan fungsi perkahwinan sebagai "pakaian" pelindung maruah (*ath-thiyaab*), sebagaimana laporan Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (2023). Implikasi daripada tindakan ini sangat destruktif kerana ia mencemarkan maruah serta meninggalkan "jejak digital" kekal yang mengancam kebajikan nasab (*Hifz al-Nasl*). Informan 1 menghuraikan bahawa arkib digital pergaduhan ibu bapa akan menjadi "warisan toksik" yang menghantui perkembangan psikologi serta mencetuskan trauma mental jangka panjang dan stigma sosial kepada anak-anak apabila mereka dewasa. Selain itu, Informan 2 menyatakan pendedahan aib ini menyulitkan proses perdamaian (*sulh*) dan sering membawa kepada lafaz cerai di luar mahkamah yang merumitkan prosedur perundangan. Hal ini disokong oleh statistik Nur Faezah Musthapar (2020) yang menunjukkan kegagalan menjaga kerahsiaan domestik menjadi pasangan muda di Malaysia. Penemuan ini merumuskan bahawa membiarkan konflik domestik menjadi konsumsi awam adalah satu bentuk kezaliman terhadap hak anak-anak untuk membesar dalam suasana yang tenang.

Budaya "Riak Digital" Sebagai Pemangkin Hasad dan Krisis Kepuasan (FOMO)

Penyalahgunaan media sosial juga berlaku dalam bentuk yang lebih halus menerusi budaya "riak digital" atau pameran kebahagiaan idealistik secara melampau. Penyelidik memerhatikan trend pameran kemewahan selebriti seperti Erra Fazira, seorang figura lagenda dan Primadona Filem Melayu yang tular apabila hantaran perkahwinannya memaparkan simbolik kemewahan luar biasa. Pemberian tersebut merangkumi sepokok emas seberat 102 gram, 24 keping dinar emas, serta cincin mewah Cartier yang menjadi simbolik cinta abadi namun mengundang pelbagai reaksi netizen yang menyifatkannya sebagai hantaran paling mewah tahun ini. (Maliah Surip, 2025) Selain itu, hantaran gaya hidup mewah usahawan kosmetik dan pempengaruh, Hafiz Mahamad, yang sering memuat naik kandungan video yang memaparkan kemesraan bersama isterinya, Syafiqah Aina, serta gaya hidup mewah sebagai inspirasi kejayaan turut menjadi rujukan utama dalam budaya narsisme digital ini. (Alia, 2023) Informan 2 menegaskan bahawa pameran kemesraan atau material secara berlebihan ini adalah sangat berbahaya dari sudut teologi kerana ia melanggar adab kesantunan siber dalam Islam serta mendedahkan keluarga kepada fitnah.

Kesan langsung daripada budaya ini ialah kewujudan *Comparison Trap* atau perangkap perbandingan yang menebal dalam kalangan netizen. Informan 1 menjelaskan bahawa paparan 'kebahagiaan sempurna' ini menyebabkan pasangan lain mula mempersoalkan nilai kebahagiaan rumah tangga sendiri sehingga mencetuskan ketidakpuasan hati kronik. Berdasarkan data Ustazah Mariam Md. Zin (2024), dianggarkan sebanyak 66% pasangan mengalami tekanan emosi dan perasaan rendah diri akibat fenomena *FOMO* (*Fear of Missing Out*). Dari sudut syarak, Informan 2 menegaskan implikasi paling buruk daripada budaya menunjuk-nunjuk ini ialah ancaman penyakit 'Ain dan hasad dengki yang boleh meruntuhkan keharmonian rumah tangga secara sistemik tanpa disedari. Hal ini terbukti melalui kes Hafiz Mahamad di mana isterinya dilaporkan mengalami gangguan sihir atau penyakit 'Ain sehingga netizen meminta beliau untuk tidak lagi terlalu menunjuk atau berkongsi kebahagiaan di media sosial kerana bimbang ia menjadi punca hasad dengki yang merosakkan rumah tangga. (Nuha Kefli, 2021) Informan 2 merumuskan bahawa ketidaksantunan dalam berkongsi nikmat di alam maya bukan sahaja mencetuskan krisis kepuasan, malah mengundang kemudaratan spiritual yang nyata.

Dominasi Gajet dan Ketagihan Dunia Maya

Bentuk penyalahgunaan ketiga yang dikenal pasti adalah dominasi peranti pintar yang membawa kepada ketagihan dunia maya sehingga mencabuli ruang interaksi domestik. Informan 1 menjelaskan wujudnya amalan *phubbing*, iaitu tindakan mengabaikan pasangan di depan mata demi peranti digital yang akhirnya mewujudkan kelompangan komunikasi kronik. Fenomena ini berlaku apabila pasangan terlalu asyik dengan aplikasi hiburan sehingga mengabaikan tanggungjawab nafkah emosi dan fizikal. Nur Faezah Musthapar (2020) menyokong dapatan ini dengan menyatakan bahawa penggunaan media sosial yang berlebihan menyebabkan pasangan menghabiskan masa panjang di alam maya, sekali gus mengurangkan komunikasi bersemuka dan mewujudkan jurang emosi yang ketara. Penceramah bebas, Datuk Kazim Elias, turut menekankan bahawa ketagihan melayari aplikasi seperti Facebook dan WhatsApp telah menjadi trend di mana pasangan lebih mengutamakan gajet berbanding interaksi kualitatif bersama keluarga. (Harian Metro, 2016)

Implikasi daripada ketagihan ini adalah hubungan yang menjadi semakin renggang dan hambar, seterusnya membuka ruang kepada gangguan pihak ketiga serta kecurangan maya (*cyber-cheating*). Informan 1 menegaskan bahawa apabila ruang interaksi intim dicabuli oleh kehadiran gajet secara berterusan, kepercayaan (*trust*) antara suami isteri akan mula terhakis. Nur Faezah Musthapar (2020)

mendapati bahawa ketidakhadiran emosi ini menyebabkan pasangan berasa terabai dan tidak dihargai, manakala perhatian daripada individu asing di media sosial menjadi pemangkin kepada konflik, cemburu, dan rasa tidak selamat. Hal ini diperkukuhkan oleh Datuk Kazim Elias yang menyatakan bahawa penyalahgunaan media sosial memudahkan pasangan terbabit dengan hubungan sulit setelah gemar mencari kenalan luar untuk berkongsi masalah rumah tangga. (Harian Metro, 2016).

Kegagalan interaksi kualitatif akibat gangguan gajet ini dilaporkan menyumbang sebanyak 13% kepada punca keretakan hubungan dalam kalangan pasangan Muslim berdasarkan statistik Nur Faedah Musthaphar (2020). Menurutnya, kurangnya interaksi antara pasangan suami isteri merupakan masalah yang melanda kebanyakan suami isteri. Faktor kurangnya interaksi kerana pasangan banyak menghabiskan masa di media sosial sehingga pasangan gagal membahagikan masa bersama. Justeru, kurangnya interaksi antara pasangan telah mencetuskan banyak salah faham sehingga menyebabkan hubungan menjadi renggang. Akhir sekali, Informan 2 merumuskan bahawa ketagihan digital ini merupakan "racun" yang melenyapkan nilai *mawaddah* dan *rahmah* dalam hubungan, sekali gus meningkatkan risiko perceraian serta meruntuhkan kestabilan institusi kekeluargaan masa kini.

PERBINCANGAN

Perbincangan terhadap dapatan kajian menunjukkan bahawa krisis rumah tangga digital di Malaysia bukan sekadar isu teknikal penggunaan aplikasi, sebaliknya merupakan manifestasi kepada kerapuhan benteng privasi dalam institusi kekeluargaan moden. Kecenderungan pasangan menjadikan media sosial sebagai arena luahan perasaan menunjukkan bahawa fungsi institusi tradisional semakin terhakis, di mana validasi netizen kini dianggap lebih utama berbanding kerahsiaan domestik. Menurut Md Zin (2024), kebergantungan melampau kepada sokongan maya telah mewujudkan budaya "narsisisme digital" yang merosakkan kualiti komunikasi intim serta menghapuskan batasan antara ruang peribadi dan ruang awam. Hal ini membuktikan bahawa kelompangan interaksi kualitatif yang dibincangkan dalam analisis data merupakan punca utama pasangan beralih kepada platform digital demi mencari keadilan subjektif yang akhirnya memudaratkan hubungan itu sendiri.

Perbincangan terhadap pendedahan aib terancang atau tasyhir pula membawa implikasi serius terhadap integriti sistem perundangan Syariah kerana ia mewujudkan "hukuman pra-matang" oleh netizen sebelum kes sampai ke mahkamah. Samsu Hadi (2025) menegaskan bahawa provokasi digital ini sering digunakan untuk memanipulasi persepsi awam

dan menutup pintu perdamaian (sulh), sekali gus melanggar fungsi asasi pasangan sebagai pelindung maruah (ath-thiyaab). Selain aspek perundangan, tindakan ini meninggalkan "jejak digital" sebagai warisan toksik yang mengancam kebajikan nasab (Hifz al-Nasl). Hal ini disokong oleh pandangan Emma Maembong yang menekankan risiko gangguan kesihatan mental terhadap anak-anak akibat ejekan atau stigma sosial yang kekal dalam talian sehingga mereka dewasa. Musthaphar (2025) menyifatkan kezaliman digital ibu bapa ini sebagai kegagalan tuntutan moral yang bukan sahaja menggugat institusi perkahwinan, malah mampu merosakkan struktur masyarakat Islam secara keseluruhan dalam jangka panjang.

Seterusnya, budaya "riak digital" mendedahkan bagaimana standard kebahagiaan masyarakat kini banyak dipengaruhi oleh paparan gaya hidup mewah di media sosial yang mencetuskan krisis kepuasan melalui fenomena Comparison Trap atau perangkap perbandingan. Rosli et al. (2025) menegaskan bahawa pameran kebahagiaan idealistik ini mengundang kemudaratan kepada kestabilan emosi serta membangkitkan penyakit hasad dan 'ain yang secara langsung menghakis nilai qana'ah atau rasa syukur dalam perkahwinan. Ketidakkampuan pasangan menapis kandungan pameran ini menyebabkan mereka terjebak dalam tekanan emosi akibat membandingkan kekurangan diri dengan "kesempurnaan plastik" yang dipaparkan oleh individu lain. Hal ini membuktikan bahawa kestabilan rumah tangga moden kini sangat bergantung kepada keupayaan pasangan untuk membezakan antara realiti kehidupan sebenar dengan persepsi sempurna yang dibina secara maya.

Perbincangan mengenai ketagihan media sosial mendedahkan bahawa dominasi peranti pintar merupakan punca utama kepada berlakunya silent relationship breakdown, di mana hubungan menjadi hambar dan terasing walaupun pasangan berada di ruang fizikal yang sama. Menurut Hamid et al. (2022), ketagihan menatal skrin secara obsesif ini menyumbang secara langsung kepada penurunan kepuasan perkahwinan di Malaysia akibat pengabaian tanggungjawab domestik dan emosi. Situasi ini diperkukuhkan oleh pandangan Ustaz Kazim yang menyatakan bahawa suasana rumah tangga boleh menjadi "sunyi" apabila komunikasi berkurangan, sekali gus mencetuskan syak wasangka dan cemburu melampau yang beralih ke alam siber (Metro, 2016). Akhir sekali, fenomena ini mencerminkan kegagalan pasangan dalam menghayati adab berinteraksi mengikut kerangka Islam, di mana keutamaan terhadap media sosial berbanding hak pasangan bukan sahaja menjejaskan kestabilan mental, malah meruntuhkan nilai *mawaddah* dan *rahmah* yang menjadi tunjang kekuatan institusi kekeluargaan.

Selain itu, hasil kajian secara mendalam juga menunjukkan wujudnya satu titik pertemuan yang sangat signifikan antara dapatan daripada sudut psikologi oleh Informan 1 dan perspektif Islam oleh

Informan 2. Dari dimensi psikologi, Informan 1 menjelaskan bahawa kecenderungan pasangan mendedahkan konflik domestik di ruang siber berpunca daripada kelompangan komunikasi kualitatif dan pencarian validasi emosi secara meluas bagi meraih simpati netizen. Pandangan ini disokong secara teologi oleh Informan 2 yang mengklasifikasikan tindakan tersebut sebagai satu bentuk pengabaian terhadap prinsip Mithaqan Ghaliza atau perjanjian teguh dalam perkahwinan. Perbuatan ini dianggap sebagai tasyhir iaitu mendedahkan aib yang dilarang keras dalam syariat Islam kerana ia meruntuhkan fungsi asasi perkahwinan sebagai pelindung maruah atau "pakaian" bagi setiap pasangan.

Meskipun kedua-dua informan memberikan penekanan yang serius terhadap isu pendedahan aib, wujud perbezaan fokus yang saling melengkapi mengikut kepakaran masing-masing. Informan 1 (Psikologi) melihat pendedahan aib sebagai bentuk pelepasan emosi yang tidak sihat atau cubaan mencari sokongan moral akibat rasa terasing dalam hubungan, yang akhirnya menghancurkan kepercayaan sebagai akar tunjang kestabilan mental. Manakala Informan 2 (Syariah) melihatnya sebagai satu pelanggaran hukum yang jelas, di mana mendedahkan aib pasangan bukan sahaja berdosa, malah boleh dijadikan bukti material di Mahkamah Syariah yang menjejaskan hak-hak perundangan seperti kes sulh atau perdamaian.

Paling krusial, analisis perbandingan ini memperlihatkan kebimbangan yang amat mendalam terhadap kebajikan nasab atau keturunan. Informan 1 menekankan bahawa pergaduhan terbuka di alam maya akan meninggalkan "jejak digital" yang tersimpan sebagai arkib toksik yang menghantui perkembangan psikologi anak-anak sehingga mereka dewasa kelak. Hal ini selari dengan hujah Informan 2 yang menyatakan bahawa kegagalan ibu bapa memelihara privasi domestik merupakan kegagalan amanah dalam aspek Hifz al-Nasl atau pemeliharaan keturunan mengikut kerangka Maqasid Syariah. Justeru, kedua-dua pakar merumuskan bahawa kezaliman digital ibu bapa pada masa kini akan menjadi "warisan fitnah" yang secara langsung membebaskan identiti, maruah, dan kesihatan mental generasi masa hadapan yang terpaksa memikul stigma daripada tindakan tidak berhemah penjaga mereka.

Seterusnya, kedua-dua pakar memberikan amaran yang selari mengenai bahaya budaya "Riak Digital" atau pameran kebahagiaan idealistik yang kini menjadi norma masyarakat. Informan 1 menghuraikan implikasi mental melalui fenomena Comparison Trap atau perangkap perbandingan yang mencetuskan ketidakpuasan hati kronik terhadap pasangan sendiri setelah melihat gaya hidup mewah orang lain. Seajar dengan itu, Informan 2 mengaitkan fenomena ini dengan ancaman penyakit 'Ain dan hasad dengki yang digariskan secara jelas dalam literatur syarak. Perbandingan ini membuktikan bahawa ketidaksantunan dalam penggunaan teknologi bukan sekadar melibatkan isu moral peribadi, malahan

merupakan manifestasi kepada keruntuhan kestabilan emosi dan pelanggaran adab siber yang menggugat kedaulatan institusi kekeluargaan secara sistemik.

Justeru itu, perbandingan antara kedua-dua pakar memperlihatkan satu titik pertemuan yang signifikan mengenai bahaya ketagihan dunia maya, di mana Informan 1 melihatnya sebagai ejen pemutus hubungan emosi melalui amalan phubbing yang mengakibatkan "kehadiran fizikal tanpa keterlibatan emosi," manakala Informan 2 pula menganalisis ketagihan tersebut sebagai bentuk pengabaian terhadap tanggungjawab nafkah batin dan pelanggaran prinsip Mithaqan Ghaliza (perjanjian teguh). Walaupun Informan 1 lebih memberikan penekanan kepada kerosakan fungsi komunikasi intim dan krisis kepercayaan yang menjejaskan kestabilan mental pasangan, Informan 2 pula memfokuskan kepada aspek keruntuhan moral dan ancaman kecurangan maya yang melenyapkan nilai mawaddah serta rahmah. Namun begitu, kedua-dua pakar sepakat merumuskan bahawa ketagihan dunia maya merupakan "racun" sistemik yang jika tidak dikawal melalui literasi digital dan adab Islam yang kuat, akan terus menjadi punca utama kepada berlakunya perceraian senyap dalam institusi kekeluargaan masa kini.

Sebagai rumusan perbincangan, penyalahgunaan media sosial dalam rumah tangga menuntut satu anjakan paradigma dalam aspek pendidikan kekeluargaan dan kesedaran sivik di Malaysia. Pendidikan pra-perkahwinan seharusnya tidak lagi hanya tertumpu kepada hukum-hakam fekah asas, tetapi perlu menyerapkan modul etika siber dan pengurusan konflik di alam maya secara komprehensif. Garis Panduan Jabatan Mufti Negeri Perak (2024) menekankan bahawa pasangan perlu kembali kepada konsep perkahwinan sebagai mithaqan ghaliza (perjanjian teguh) yang menuntut kerahsiaan, perlindungan maruah, dan kesantunan dalam setiap interaksi. Tanpa penghayatan adab siber yang mendalam, institusi kekeluargaan Muslim akan terus terdedah kepada fitnah digital yang mampu meruntuhkan kedaulatan rumah tangga serta fabrik sosial masyarakat secara keseluruhan.

Bahagian perbincangan hendaklah menghuraikan makna, implikasi dan signifikan dapatan kajian dengan mengaitkannya secara kritikal kepada objektif kajian, teori, prinsip syariah, undang-undang atau dapatan kajian terdahulu; penulis perlu menunjukkan bagaimana dapatan kajian menyokong, mencabar atau memperluas pengetahuan sedia ada, serta menjelaskan justifikasi terhadap sebarang penemuan yang luar jangka; perbincangan juga boleh merangkumi dimensi praktikal, dasar, sosial atau etika, bergantung kepada topik; elakkan pengulangan dapatan secara literal, sebaliknya berikan analisis, hujah, dan refleksi yang membina terhadap implikasi kajian.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Kajian ini secara tuntasnya merumuskan bahawa penyalahgunaan media sosial dalam kalangan pasangan suami isteri di Malaysia merupakan satu fenomena krisis nilai yang memerlukan perhatian serius daripada pelbagai pihak. Hasil analisis sistematik menerusi temu bual pakar dan dokumen kes viral membuktikan bahawa platform digital yang sepatutnya berfungsi sebagai medium penghubung, kini telah beralih fungsi menjadi pemangkin kepada keretakan rumah tangga melalui pendedahan aib (tasyhir), budaya riak digital, dan pengabaian privasi keluarga. Dapatan kajian lepas menunjukkan bahawa kelompangan interaksi kualitatif menyumbang sebanyak 13% kepada punca perceraian, manakala paparan gaya hidup idealistik pula menyebabkan 66% pasangan mengalami tekanan emosi FOMO (Fear of Missing Out) yang menggugat kepuasan perkahwinan. Tindakan mengheret konflik domestik ke ruang siber bukan sahaja mencabuli prinsip mithaqan ghaliza, malah meninggalkan impak destruktif terhadap kebajikan nasab menerusi jejak digital yang kekal.

Penyelidikan ini menekankan bahawa keharmonian rumah tangga di era moden amat bergantung kepada literasi digital dan penghayatan etika Islam dalam berkomunikasi. Apabila pasangan gagal berfungsi sebagai pelindung atau "pakaian" antara satu sama lain di alam maya, struktur sakinah, mawaddah dan rahmah akan runtuh, sekali gus merugikan masa depan institusi keluarga itu sendiri. Justeru, kembali kepada adab siber yang berlandaskan syarak serta kematangan pengurusan emosi adalah kunci utama untuk membendung fitnah digital daripada terus merobek kedaulatan rumah tangga Muslim. Oleh itu, beberapa cadangan dikemukakan bagi memberi kefahaman kepada masyarakat mengenai etika digital siber:

1. **Pemeriksaan Peranan Pihak Autoriti Agama dan Media Massa.** Pihak yang bertanggungjawab seperti JAKIM, JAIS, JAIN serta penceramah agama perlu memberi pendedahan mendalam terhadap etika penggunaan media sosial dan hukum pendedahan aib (tasyhir) dalam Islam. Pihak autoriti perlu menegaskan melalui pemeriksaan modul Kursus Pra-Perkahwinan bahawa media sosial bukanlah platform untuk meluahkan perasaan atau menyelesaikan konflik rumah tangga. Pendedahan ini hendaklah dilakukan secara meluas melalui kempen di radio, televisyen, artikel akhbar, dan media digital bagi mendidik pasangan mengenai kepentingan menjaga kerahsiaan domestik demi memelihara maruah (Hifz al-'Ird) serta kebajikan nasab (Hifz al-Nasl).

2. **Peningkatan Literasi Digital dan Inisiatif Kendiri Masyarakat.** Masyarakat hendaklah mencari inisiatif untuk menambah ilmu pengurusan konflik dan literasi digital serta menilai implikasi sesuatu hantaran sebelum memuat naiknya ke media sosial. Hal ini penting bagi mengelakkan pasangan daripada terjebak dalam budaya "narsisme digital" dan "riak digital"

yang boleh mengundang kemudaratannya penyakit 'Ain serta hasad dengki. Kesedaran sendiri ini krusial agar masyarakat tidak mudah terpedaya dengan standard kebahagiaan palsu (FOMO) yang dipaparkan di skrin, yang akhirnya boleh menyebabkan keharmonian institusi kekeluargaan runtuh akibat terpesong daripada tuntutan syarak yang sebenar.

3. **Pengoptimuman Khidmat Kaunseling dan Mediasi Profesional.** Pasangan perlu mendapatkan khidmat pakar kaunseling atau pegawai Sulh di Mahkamah Syariah daripada meluahkan konflik di media sosial. Saluran rasmi ini menjamin kerahsiaan domestik dan membolehkan isu diselesaikan secara objektif tanpa campur tangan netizen. Inisiatif ini bukan sahaja memulihkan komunikasi bersemuka, malah mengelakkan pendedahan aib yang boleh merumitkan proses perdamaian mengikut tuntutan syarak.

RUJUKAN

- Abd Manaf, N. (2024). *Dedah konflik rumah tangga di media sosial bukan langkah terbaik, rujuk pakar atasi masalah*. Majoriti. Retrieved September 6, 2025, from <https://majoriti.com.my/mukmin/2024/01/14/dedah-konflik-rumah-tangga-di-media-sosial-bukan-langkah-terbaik-rujuk-pakar-atasi-masalah>
- Abd Talib, Y. Y. (2019). *Social media divides us*. My Metro. Retrieved July 6, 2025, from *Social media divides us*
- Ahmad, S. (Kosmo). (2024). *Kenapa fail cerai sehari sebelum hari jadi Fattah?*. <https://www.kosmo.com.my/2024/09/14/kenapa-fail-cerai-sehari-sebelum-hari-jadi-fatta/>
- Albakri, Z. (2025). *Maktabah Albakri Sdn Bhd. Kekeluargaan, Soal Jawab Agama - #8504: Konsep Rumah Tangga Dalam Islam*. Retrieved September 5, 2025, from <https://zulkifli.albakri.com/8504-konsep-rumah-tangga-dalam-islam/>
- Alia. (2023). [VIDEO] Hafiz Mahamad 5.5 kali buat kejutan untuk isteri, kali ini sewa pawagam & hadiahkan pakej haji. OhBulan!. <https://ohbulan.com/video-hafiz-mahamad-55-kali-buat-kejutan-untuk-isteri-kali-ini-sewa-pawagam-hadiahkan-pakej-haji/>
- Alias, S. N. (2024). *Kongsi konflik keluarga di media sosial mengundang kesan negatif*. Berita Harian Online. Retrieved July 6, 2025, from *Kongsi konflik keluarga di media sosial mengundang kesan negatif*
- Alifah Ilyana, & Fatima Husna. (2023). *PENGARUH MEDIA SOSIAL KE ATAS INSTITUSI KEKELUARGAAN*. CETUS '23. Retrieved September 5, 2025, from https://cet23.weebly.com/media/pengaruh-media-sosial-ke-atas-institusi-kekeluargaan?utm_source
- Astro Awani. (2025). *Buka aib pasangan di media sosial bawa fitnah, perpecahan dalam keluarga - Mohd Na'im*. Astro Awani. Retrieved September 6, 2025, from https://www.astroawani.com/berita-malaysia/buka-aib-pasangan-di-media-sosial-bawa-fitnah-perpecahan-dalam-keluarga-mohd-naim-510378?utm_source
- Boyd, D. M., & Ellison, N. B. (2007). *Social Network Sites: Definition, History, and Scholarship*. *Journal of Computer-Mediated Communication*, 13(1), 210-230. <https://academic.oup.com/jcmc/article/13/1/210/4583062>

- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77-101. <https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa>
- Fadzil, N. F. (2023). *Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. IRSYAD HUKUM SIRI KE-786: MEMBUKA AIB YANG DIBENARKAN DALAM ISLAM*. Retrieved September 5, 2025, from https://www.muftiwp.gov.my/ar/artikel/irsyad-hukum/umum/5686-irsyad-al-fatwa-siri-ke-786-membuka-aib-yang-dibenarkan-dalam-islam?utm_source
- Gempak. (2025). Sepokok emas 102 gram, 24 keping dinar emas, cincin Cartier jadi simbolik cinta abadi Erra & Mr E, from <https://gempak.com/hiburan/sepokok-emas-102-gram-24-keping-dinar-emas-cincin-cartier-jadi-simbolik-cinta-abadi-erra-mr-e>
- Haifaa, H. (2025). *Cerai melalui teks, media sosial, bagaimana mahkamah nilai kesahannya?* Majoriti. Retrieved September 5, 2025, from https://majoriti.com.my/relaks/2025/02/11/cerai-melalui-teks-media-sosial-bagaimana-mahkamah-nilai-kesahannya?utm_source
- Harian Metro. (2025). Kes cerai Uqasha, Kamal tangguh lagi, kesepakatan gagal dicapai, from <https://www.hmetro.com.my/utama/2025/12/1301400/kes-cerai-uqasha-kamal-tangguh-lagi-kesepakatan-gagal-dicapai>
- Informan 1 (Dr. Aisyah). (2025, 16 Januari). Temu Bual Pakar: Impak Psikologi Jejak Digital Terhadap Anak-Anak dan Komunikasi Pasangan. [Temu bual peribadi]. Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Informan 2 (Dr. Adib). (2025, 15 Januari). Temu Bual Pakar: Perspektif Syarak Terhadap Isu Tasyhir dan Konflik Domestik di Media Sosial. [Temu bual peribadi]. Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Jaafar, N. (2024). *Haram dan berdosa buka aib pasangan*. Sinar Harian. Retrieved September 6, 2025, from https://www.sinarharian.com.my/article/690455/berita-nasional/haram-dan-berdosa-buka-aib-pasangan?utm_source
- Jabatan Mufti Perak. (2024). *GARIS PANDUAN PENGGUNAAN APLIKASI MEDIA SOSIAL MENURUT SYARAK*, Jabatan Mufti Perak. Retrieved September 5, 2025, from https://mufti.perak.gov.my/images/garis_panduan/Garis%20Panduan%20Penggunaan%20Aplikasi%20Media%20Sosial%20Menurut%20Syarak.pdf
- Jabatan Peguam Negara Malaysia. (2025). *Akta 303. AKTA UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1984. PERUNDANGAN PRESEKUTUAN*. Retrieved September 5, 2025, from https://lom.agc.gov.my/act-detail.php?act=303&language=BM&type=original&utm_source
- Jasmi, K. A. (2012). Analisis Data dalam Penyelidikan Kualitatif in Kursus Penyelidikan Kualitatif siri 3 2012 at Felda Residence Tg. Leman, Mersing, on 23-22 May 2012. *Organized by Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Jalan Datin Halimah, 80350 Johor Bahru, Negeri Johor Darul Ta'zim, pp 1-11*. Retrieved September 5, 2025, from <https://www.researchgate.net/publication/293097661-Analisis-Dalam-Penyelidikan-Kualitatif>
- Jasmi, K. A. (2012). Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif in Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012 at Puteri Resort Melaka on 28-29 Mac 2012. *Organized by Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Jalan Datin Halimah, 80350 Johor Bahru, Negeri Johor Darul Ta'zim*
- Kamus Bahasa Dan Pustaka. (n.d.). *Kamus Bahasa Dan Pustaka*. Carian Umum - 'Media'. Retrieved September 5, 2025, from https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?d=175768&keyword=media+&utm_source
- Liyana. (2024). *Pengertian, Peranan & Fungsi Media Sosial*. eCentral.my. Retrieved September 6, 2025, from <https://ecentral.my/fungsi-media-sosial/>
- Majlis Agama Islam Selangor. (2024). *Pengaruh Pengaruh Dalam Masalah Rumah Tangga – EDISI MAIS*. Majlis Agama Islam Selangor. Retrieved September 6, 2025, from https://mais.gov.my/edisi/pengaruh-pengaruh-dalam-masalah-rumah-tangga/?utm_source
- Malaymail. (2016). *Social media abuse said to be among reasons for divorce in Malaysia*. Malaymail. Retrieved September 5, 2025, from <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2016/01/14/social-media-abuse-said-to-be-among-reasons-for-divorce-in-malaysia/1040399>
- Mohamad Nor, K. (2025). *Hijrah suami isteri: Jaga adab, aib pasangan di media sosial, sama-sama baiki diri*. Majoriti. Retrieved September 6, 2025, from https://majoriti.com.my/mukmin/2025/06/27/hijrah-suami-isteri-jaga-adab-aib-pasangan-di-media-sosial-sama-sama-baiki-diri?utm_source
- Musthapar, K. (2025). *Hijrah suami isteri: Jaga adab, aib pasangan di media sosial, sama-sama baiki diri*. Majoriti. from <https://majoriti.com.my/mukmin/2025/06/27/hijrah-suami-isteri-jaga-adab-aib-pasangan-di-media-sosial-sama-sama-baiki-diri>
- My Metro. (2016). *Pengaruh Buruk Media Sosial*. Retrieved September 5, 2025, from https://www.hmetro.com-my.cdn.ampproject.org/v/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2016/01/110611/pengaruh-buruk-media-sosial?amp_gsa=1&_js_v=a9&usqp=mq331AQIUAKwASCAAgM%3D#amp_tf=From%20%251%24s&aoh=17518833438816&referrer=https%3A%2F%2Fwww.google.com&
- Norafiza Jaafar (2024). *Haram dan berdosa buka aib pasangan*, from <https://www.sinarharian.com.my/article/690455/berita-nasional/haram-dan-berdosa-buka-aib-pasangan>
- Portal Semakan. (2025). *Maksud Implikasi*. Portal Semakan. Retrieved September 6, 2025, from <https://portalsemakan.com/maksud-implikasi/>
- Quran.com. (n.d.). *Surah Ar-Rum (30:21)*. [Quran.com](https://quran.com/30?startingVerse=21). <https://quran.com/30?startingVerse=21>
- Rosli, F. S., Zahari, N. N., Faizolakhman, N. I., & Rosidi, M. H. (2025). The Influence of Social Media on Marital Conflict: An Analytical Study Through the Lens of Maqasid Al-Shariah, from <https://rsisinternational.org/journals/ijriss/articles/the-influence-of-social-media-on-marital-conflict-an-analytical-study-through-the-lens-of-maqasid-al-shariah/>
- Samsu Hadi, M. Z. (2025). *Lafaz cerai di media sosial berkemungkinan sah tapi bertentangan undang-undang syariah*. MalaysiaGazette. Retrieved September 5, 2025, from https://malaysiagazette.com/2024/08/13/lafaz-cerai-di-media-sosial-berkemungkinan-sah-tapi-bertentangan-undang-undang-syariah/?utm_source
- Serimah Sallehuddin. (2025). *Saya dipukul ketika mengandung – Uqasha dakwa empat tahun derita*. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/hiburan/selebriti/2025/12>

[/1486564/saya-dipukul-ketika-mengandung-ugasha-dakwa-empat-tahun-derita](#)

Sunnah.com. (n.d.). *Sahih Muslim 1437a, Book 16, Hadith 144*. Sunnah.com. <https://sunnah.com/muslim:1437a>

Tanzizi, N. H. (2024). *Boleh saman pemfitnah jika mengaibkan - Peguam*. MyMetro. Retrieved September 5, 2025, from [https://www.hmetro.com-my.cdn.ampproject.org/v/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/08/1124951/boleh-saman-pemfitnah-jika-mengaibkan-peguam?amp_gsa=1&_js_v=a9&usqp=mq331AQIUAKwASCAAgM%3D#amp_tf=From%20%251%24s&aoh=17566588270231&csi=1&referrer=https%3A](https://www.hmetro.com.my/cdn.ampproject.org/v/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/08/1124951/boleh-saman-pemfitnah-jika-mengaibkan-peguam?amp_gsa=1&_js_v=a9&usqp=mq331AQIUAKwASCAAgM%3D#amp_tf=From%20%251%24s&aoh=17566588270231&csi=1&referrer=https%3A)

Zaini Nasohah. (2010). *Syariah dan Undang-Undang: Suatu Analisis*. Utusan Publications & Distributors.